

08/03/2004

Percaturan politik Taib tentukan pengganti Ketua Menteri

Muhd Yusuf Abu Bakar

AKHIRNYA, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud kembali ke Sarawak malam Sabtu lalu selepas mendapatkan rawatan kesihatan di Switzerland, kepulangan beliau desas-desus yang bertiup sebelum ini mengenai peletakan jawatan beliau sebagai pemimpin kerajaan negeri.

Inilah kali pertama selepas lebih 20 tahun menerajui kerajaan Sarawak, khabar angin mengenai kedudukan jawatannya menjadi isu hangat ketika beliau tiada di dalam negeri, menyebabkan pemimpin kanan negeri terpaksa menepis khabar angin itu.

Bagi rakyat Sarawak, menghadapi pilihan raya Parlimen tidak meriah berbanding pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN). Ini kerana Barisan Nasional (BN) negeri dengan mudah mampu mengekang pengaruh pembangkang dan membolehkan BN menguasai 28 kerusi Parlimen, seperti yang dilakukan pada 1999.

Walaupun penyokong BN dan pembangkang di Semenanjung dan Sabah sibuk perang poster dan ceramah menjelang penamaan calon 13 Mac ini, penduduk di negeri ini belum nampak 'mood' berkenaan.

Jadi apabila ada khabar angin yang menarik, masing-masing cuba mendapat kepastian, sebab itu berita mengenai peletakan jawatan Ketua Menteri dan keengganan Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Rajang, mendapat perhatian penduduk, bukan mengenai pilihan raya kerana mereka yakin BN akan menang besar selepas pengundian 21 Mac nanti.

Kita tidak pasti dari sumber mana datangnya berita berkenaan. Ada yang mengatakan ia berpunca dari Kuala Lumpur kerana berasakan Taib terlalu lama di kerusi empuk melebihi Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara sebagai Perdana Menteri tahun lalu.

Bagaimanapun, ada yang menjangka musuh politiknya di Sarawak yang mencetuskan huru-hara berkenaan, kebetulan menjelang pilihan raya Parlimen menyebabkan penduduk negeri itu terpanggil untuk bercakap mengenainya.

Yang jelas khabar angin berkenaan memberi kesan positif, apabila Taib ketika mengadakan sidang akhbar sekembalinya dari luar negara berkata, dia mempunyai tiga calon yang sedang dilatih untuk mengambil tempatnya apabila sampai masanya kelak.

Ini berbeza ketika ditanya wartawan pada 2002 dalam satu majlis di Kuching yang turut dihadiri Dr Mahathir yang menarik balik hasratnya untuk meletakkan jawatan selepas didesak pemimpin Umno, Taib yang langsung tidak terfikir soalan berkenaan akan ditanya, secara terkejut berkata: "Saya akan berundur (melepaskan jawatan) apabila sampai masanya."

Malam Sabtu lalu, Taib berkata: "Satu perkara yang jelas sebagai persediaan untuk berubah (berundur), saya memberi pendedahan kepada tiga pemimpin (untuk menjadi Ketua Menteri). Saya mahu rakyat menilai tiga pemimpin ini sebelum saya mengambil keputusan (untuk berundur) dan melantik pemimpin yang layak."

Jadi persoalannya sekarang, siapakah tiga pemimpin berkenaan yang sedang dilatih Taib untuk menggantinya sebagai Ketua Menteri apabila dia berundur kelak?

Kalangan politik kini lebih melihat Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Sri Adenan Satem sebagai calon yang paling layak untuk mengganti Taib. Ini kerana hampir keseluruhan majlis yang tidak dapat dihadiri Taib sejak setahun lalu, diwakili Adenan.

Malah, Adenan nampak lebih rapat dengan Taib pada mana-mana majlis

berbanding satu lagi calon Ketua Menteri iaitu Menteri Pelancongan, Datuk Sri Abang Johari Tun Openg yang nampak kebelakangan ini tertinggal jauh berbanding Adenan.

Percaturan politik Taib bagi kerusi Ketua Menteri nampaknya jelas untuk memberi peluang kepada Melayu Sarawak untuk menjawat jawatan itu walaupun untuk tempoh yang singkat, berbanding selama ini ia dikuasai Melanau dan Iban.

Penganalisis politik melihat, jika Taib tidak memberi peluang kepada Melayu Sarawak memegang jawatan itu, sokongan mereka terhadap BN dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) akan berkurangan.

Tidak hairanlah dalam beberapa pilihan raya sebelum ini, Melayu Sarawak terutama di kawasan Petra Jaya dan Santubong memberi simpati kepada calon pembangkang, terutama Pas dan Keadilan.

Seorang lagi calon yang dijangka menjadi Ketua Menteri selepas giliran Melayu, ialah Effendi, dari suku Melanau, sama seperti Taib. Malangnya beliau dilaporkan tidak akan bertanding bagi mempertahankan kerusi yang disandangnya di Kuala Rajang.

Kini persoalan yang timbul di Sarawak bukan sekadar persediaan menghadapi pilihan raya Parlimen ke-11 yang ternyata akan berpihak kepada BN, tetapi siapa yang bakal menggantikan Taib jika beliau meletakkan jawatan dalam tempoh terdekat, sebelum pilihan raya DUN Sarawak yang dijangka tahun depan.

Adakah Adenan mampu memikul tanggungjawab jika diserahkan jawatan berkenaan atau Kuala Lumpur nampak kaliber Abang Johari yang kini bertindak cemerlang dalam menjadikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan, sebagai pengganti Taib?